



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

(Agensi MeCD)

GP1: GARIS PANDUAN MENGENAI KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI DI BAWAH SUBSEKSYEN 57(1A) DAN PERENGGAN 57(1)(b) AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk menetapkan:

- a. pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) daripada untung bersih teraudit bagi koperasi yang amaun KWRSnya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yurannya di bawah subseksyen 57(1A) Akta; dan
- b. tarikh pelaksanaan Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah perenggan 57(1)(b) Akta.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

"Kumpulan Wang Rizab Statutori" ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh tiap-tiap koperasi menurut subseksyen 57(1) Akta daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun;

"Syer" ertinya bahagian dalam modal syer sesuatu koperasi yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam koperasi itu;

"Yuran" ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam sesuatu koperasi dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya.

LATAR BELAKANG

3. Menurut subseksyen 57(1) Akta (sebelum pindaan), koperasi dikehendaki membayar ke Kumpulan Wang Rizabnya tidak kurang daripada 15% daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan.
4. Dengan kuatkuasa Akta Koperasi (Pindaan) 2007, perkataan 'Kumpulan Wang Rizab' digantikan dengan 'Kumpulan Wang Rizab Statutori'.
5. Di bawah perenggan 57(1)(b) Akta, pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori terbahagi kepada dua iaitu:
 - a. Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit selagi amaun Kumpulan Wang Rizab Statutori kurang daripada 50% daripada syer dan yurannya; atau
 - b. Tidak kurang daripada 15% daripada untung bersih teraudit selagi amaun Kumpulan Wang Rizab Statutori adalah 50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yurannya.
6. Peruntukan di atas tidak menetapkan pemindahan yang perlu dibuat kepada KWRS sekiranya amaun KWRS koperasi adalah 100% atau lebih daripada syer dan yurannya.

7. Walau bagaimanapun, subseksyen 57(1A) Akta membenarkan Suruhanjaya menentukan suatu bahagian yang berlainan iaitu sama ada kurang atau lebih daripada bahagian yang ditentukan dalam subseksyen 57(1) Akta untuk dipindahkan kepada KWRS.

PENETAPAN PEMINDAHAN KEPADA KWRS

8. Bagi koperasi yang amaun KWRSnya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yurannya, penentuan amaun yang dipindahkan kepada KWRS daripada untung bersih terauditnya adalah ditetapkan seperti berikut:

- a. koperasi sekolah yang KWRSnya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yurannya **dikecualikan** daripada membuat pindahan kepada KWRS daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun.
- b. koperasi **bukan** sekolah yang KWRSnya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yurannya membuat pindahan kepada KWRS secara sukarela daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun.

TARIKH KUATKUASA PERENGGAN 57(1)(b) AKTA KOPERASI 1993


9. Semua koperasi berdaftar dikehendaki mematuhi subseksyen 57(1A) Akta dan perenggan 57(1)(b) Akta Koperasi 1993 mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 berkaitan pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun.

10. Penentuan jumlah wang yang perlu dipindahkan kepada KWRS adalah berdasarkan baki akaun KWRS (sebelum pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan tahun semasa), akaun modal syer dan modal yuran pada akhir tahun kewangan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

11. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Garis Panduan ini dan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”


(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 6/11/08